

# Pas: Ulama konservatif cabar ulama progresit

Oleh ZAKRY BAHARUDIN

JIKA parti-parti lain termasuk DAP membuat keputusan menunda pemilihan parti bagi menghadapi pilihan raya umum, Pas pula mengambil langkah sebaliknya. Ini jelas apabila pemilihan pucuk pimpinan parti termasuk Presiden akan diadakan pada awal bulan depan. Seperti biasa, bagi jawatan Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dijangka mengekalkan jawatannya. Setakat ini menurut sumber parti tersebut tiada mana-mana bahagian atau dalam struktur Pas dipanggil kawasan yang meletakkan calon lain bagi menggugat keselesaan Abdul Hadi.

Namun ketika Abdul Hadi sudah boleh tidur lena dan hanya memikirkan apakah ucapan dasar yang bakal disampaikan pada muktamar kali ini, Timbalannya pula, Nasharuddin Mat Isa perlu membuat persiapan untuk bertarung. Ini memandangkan Nasharuddin yang dianggap golongan ulama progresif dikatakan akan ditentang oleh ulama konservatif, Datuk Harun Taib yang kini mengetuai Dewan Ulama.

Menyebut nama Harun sudah pasti ramai yang memahami kelantangan beliau yang suatu ketika dulu mengejutkan ramai pihak apabila menentang langkah kerajaan negeri Kelantan untuk membawa juara *Akademi Fantasia* (AF3) Mawi




HARUN TAIB

membuat persembahan di negeri itu. Namun kehadiran Harun untuk mencabar Nasharuddin bukanlah bererti beliau terlalu melihat sesuatu perkara itu secara konservatif.

Berbanding tokoh-tokoh lain dalam Pas, Harun dianggap barisan ulama konservatif atau muka lama yang mempunyai kewibawaan.

"Sebenarnya di kalangan ahli Pas mereka masih mahu melihat ulama terus menerajui parti pada masa depan.

"Maknanya bagi peringkat pucuk pimpinan utama selepas Abdul Hadi mereka mahu memastikan ulama berada sebagai pelapis bukan golo-



NASHARUDDIN MAT ISA

ngan lain," kata seorang pemimpin kanan Pas.

## Berani

Selain itu Harun dilihat seorang pemimpin yang berani dan tegas, kelantangan beliau dalam isu Mawi biarpun melibatkan negeri Mursyidul Am sudah membuktikan kemampuannya. Biarpun tindakan itu dilihat berlaku perbezaan pendapat di kalangan pemimpin Pas mengenai hiburan, namun Harun membuktikan ketegasannya.

Justeru pencalonan Harun dilihat sebagai kehendak ahli-ahli akar um-

bi terutama golongan tua dalam Pas yang mahu memastikan kepimpinan masa depan Pas terus berada dalam genggamannya golongan ulama. Slogan kepimpinan bersama ulama terus menjadi teras pegangan ahli parti itu biarpun Pas kini semakin ramai disertai oleh golongan profesional. Keadaan ini juga sudah jelas menampakkan bahawa faktor ulama dan bukan ulama terus menjadi penentu dalam pemilihan parti tersebut. Walaupun perkara ini kerap dinafikan oleh pemimpin-pemimpin Pas tetapi hakikatnya adalah sebaliknya. Berikutan pegangan ini juga, kedudukan tiga calon bukan ulama iaitu Datuk Husam Musa, Mohamad Sabu dan Datuk Hassan Ali bagi jawatan naib presiden turut 'tergugat'. Menurut sumber parti tersebut, ketiga-tiga penyandang berkenaan akan ditentang.

"Seorang calon ulama dari Pahang akan dipilih bertanding merebut salah satu kerusi dan buat masa ini calon tersebut dianggap calon *favorite*. Rata-rata kawasan sudah mencalonkan beliau untuk bertanding. Segalanya kerana ahli Pas ingin memastikan ulama dalam semua saf kepimpinan," kata sumber itu.

Dalam pertarungan berkenaan, sumber itu secara terang menganggap Husam berada dalam kedudukan paling selamat berbanding Hassan dan Mohamad Sabu. Ini kerana Husam dilihat orang keperca-

yaan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan bakal menggantikan Menteri Besar Kelantan itu jika tok guru berkenaan berundur. Ketika ini Husam dianggap orang yang paling dipercayai oleh Nik Abdul Aziz. Malah segala isu besar yang melibatkan Kelantan, Husam diberi kepercayaan untuk menanganinya.

## Terserlah

Husam dilihat pemimpin paling terserlah di negeri Cik Siti Wan Kembang tersebut biarpun masih ada pemimpin-pemimpin lain seperti Mohd Amar Nik Abdullah. Walaupun Nik Abdul Aziz sebelum ini menyatakan bahawa beliau akan terus bertanding namun ia tidak 'mengurangkan saham' Husam dalam jawatan naib presiden. Husam dikatakan berada di kedudukan paling selesa berbanding dengan Hassan dan Mat Sabu yang dilaporkan kedudukan mereka semakin goyah.

Hassan Ali dilihat sengaja mencari masalah apabila mencadangkan supaya ahli Pas menyumbang RM1,000 kepada parti. Cadangan tersebut dilihat bukan sahaja tidak relevan malah mencalar imej parti tersebut. Menurut seorang pemimpin parti itu, "kami tidak tahu apa mimpi Hassan ketika membuat cadangan berkenaan."

Keadaan menjadi semakin kritikal apabila beliau dikatakan tidaklah be-

gitu menyerlah dalam melaksanakan tugas parti. Ketika pemilihan lalu beliau dilihat terselamat kerana ahli-ahli dikatakan 'tidak mempunyai banyak pilihan. Berikutan itu slot Hassan dikatakan akan digantikan oleh beberapa calon terutamanya seorang ulama dari Pahang yang kini dilaporkan mempunyai kedudukan selesa untuk merebut salah satu kerusi naib presiden. Bagi Mohamad Sabu pula, kedudukannya juga dikatakan semakin tergugat. Ahli-ahli Pas tidak melihat apa-apa kepentingan yang boleh melayakkan Mohamad terus dipertahankan bagi tempoh sepenggal lagi. Tambahan pula, dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, Pas perlu mempunyai barisan kepimpinan yang mantap bagi membolehkan mereka mencatatkan rekod lebih baik berbanding pilihan raya sebelum ini.

Apa pun ini hanyalah perkiraan awal tetapi apa yang pasti muktamar kali ini sekali lagi akan membuktikan bahawa Pas dan kepimpinan ulama tidak dapat dipisahkan.